



## JABATAN PERTANIAN NEGERI JOHOR IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim dan warganegara Malaysia yang telah menduduki Negeri Johor tidak kurang (3) tahun berturut-turut untuk mengisi kekosongan jawatan di Jabatan Pertanian Negeri Johor bagi jawatan sebagaimana berikut:

<b>1. SKIM PERKHIDMATAN</b>	<b>: PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN GRED G29 (KONTRAK)</b> (1 KEKOSONGAN)
<b>KLASIFIKASI</b>	<b>: PERTANIAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>: PELAKSANA</b>
<b>TARAF JAWATAN</b>	<b>: KONTRAK</b>
<b>GRED / JADUAL GAJI</b>	<b>: G29</b>

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kenaikan Gaji Tahunan
RM 1,494.00	RM 5,674.00	RM 145.00

### SYARAT

#### LANTIKAN :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pertanian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi latihan tempatan atau kelayakan yang setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G29: RM 1,494.00); atau

- (ii) Diploma dalam bidang pertanian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G29: RM 1,847.86).

- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### Deskripsi Tugas :

Bertanggungjawab melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti berhubung polisi projek Jabatan Pertanian Johor dan menguruskan laporan serta memberi penerangan berhubung dengan projek pertanian.

## **CARA-CARA MEMOHON**

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang JPNJ.01 yang boleh **dimuat turun dan dicetak daripada Portal Rasmi Jabatan Pertanian Negeri Johor** : <http://pertanian.johor.gov.my>
2. Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah **DISERTAKAN** :
  - i) **Gambar berukuran pasport**
  - ii) **Salinan Sijil Beranak**
  - iii) **Salinan Kad Pengenalan**
  - iv) **Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)**
  - v) **Salinan Sijil / Diploma Pertanian**
  - vi) **Salinan Sijil-sijil Peringkat Sekolah / Kursus (jika ada)**

**PERINGATAN** : Salinan sijil-sijil/dokumen berkaitan di atas ( ii hingga vi ) perlu ditandatangani **SALINAN SAH** dokumem.

3. Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah menghantar permohonan melalui dan mendapatkan Perakuan Ketua Jabatan. Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Prestasi Tahunan **TIDAK PERLU** dihantar semasa menghantar borang permohonan ini dan ianya perlu dibawa pada sesi temu duga .
4. Hanya calon-calon yang berkelayakan dan melepasi tapisan akan dipanggil temuduga. Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang jawapan selepas **(6) enam bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

## **PERMOHONAN HENDAKLAH DIHANTAR KEPADA:**

Pengarah,  
Jabatan Pertanian Negeri Johor,  
Aras 1, Bangunan Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor, Kota Iskandar,  
79000 Nusajaya, Johor Darul Ta'zim.

**Tarikh Buka : 17 September 2017 / Tarikh Tutup : 28 September 2017**